

**LHDN Lepasi Sasaran, Kutip Lebih RM98 Bilion Hasil Sehingga Okt  
Bernama  
01 November, 2012**

PUTRAJAYA, 1 Nov (Bernama) -- Kutipan cukai tahunan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sehingga Okt lepas sudah menjangkau RM98.4 bilion melepasi sasaran awal, RM97 bilion.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Datuk Seri Mohd Irwan Serigar Abdullah berkata perkembangan itu menunjukkan ekonomi negara berada dalam keadaan baik, walaupun ekonomi dunia berada dalam keadaan tidak menentu.

Menurutnya secara keseluruhan, tahun lepas LHDN mengutip RM109.679 bilion manakala tahun ini ia menyasarkan jumlah tersebut menjangkau RM120 bilion.

Beliau berkata prestasi LHDN ketika ini amat baik, namun ditanya sekiranya jumlah kutipan hasil akan melepasi sasaran ekoran prestasinya yang mantap, beliau enggan mengesahkannya.

"Kami telah menetapkan sasaran, kami tidak akan mengubahnya, sebarang tambahan merupakan bonus kepada kerajaan," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Inovasi LHDN 2012 bertemakan 'Inovasi Cemerlang, Transformasi Gemilang' di Menara Hasil, ibu pejabat LHDN di sini, Khamis.

Turut hadir di majlis itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif LHDN Tan Sri Mohd Shukor Mahfar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706390>